

**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJIJI HAJI NOOR**  
**KETUA MENTERI SABAH**  
**SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN SURAT-SURAT KELULUSAN BANTUAN**  
**KEWANGAN KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH DAN TOKONG SERTA SUMBANGAN**  
**BANTUAN KEPALA SINGA KEPADA PERTUBUHAN MASYARAKAT TIONG HUA**  
**NEGERI SABAH**  
**1 FEBRUARI,2021**

Salam Sabah Maju Jaya.

1. Bagi pihak kerajaan negeri, saya bersyukur dapat bersama pada majlis penyerahan surat kelulusan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah dan tokong serta sumbangan bantuan kepala singa kepada pertubuhan masyarakat Tionghua Negeri Sabah pada hari ini.
2. Kerajaan Negeri tidak mengadakan Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan untuk Sekolah-Sekolah dan Badan-Badan Keagamaan dan Majlis sumbangan bantuan kepala singa di peringkat Negeri seperti pada tahun-tahun sebelum ini disebabkan kita masih lagi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilanjutkan sehingga 4 Februari ini.
3. Kita sedar, institusi pendidikan seperti sekolah amat penting dalam melahirkan rakyat yang berilmu dan berpengetahuan yang akan memacu pembangunan serta kemajuan negeri. Pada masa sama, badan keagamaan memainkan peranan penting dalam memupuk nilai mulia dan positif dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum serta agama di negeri ini.
4. Jawatankuasa Pemberian Bantuan Kerajaan Negeri bagi Sekolah-Sekolah dan Badan-Badan Keagamaan telah mengadakan mesyuarat pada 2 November lalu dan telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal untuk meneliti permohonan yang diterima daripada berbagai badan keagamaan dan sekolah bukan Islam daripada seluruh Sabah.
5. Dengan itu, sukacita hari ini saya mengumumkan bahawa jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini adalah sebanyak RM43 juta iaitu RM18 juta bagi sekolah-sekolah bukan Islam dan RM25 juta bagi badan-badan keagamaan.
6. Bagi sekolah, sejumlah RM3.65 juta telah diluluskan untuk sembilan buah Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) manakala RM2.10 juta untuk lapan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK); diikuti RM6.92 juta untuk 83 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina [SJK(C)] dan RM801,500.00 untuk 142 buah Tadika. Ini membabitkan jumlah keseluruhan sebanyak RM13,476,500.00.

7. Bagi tujuan pembangunan dan pembaikan Tokong pula, sejumlah RM5.29 juta telah diluluskan pada tahun 2020. Ini melibatkan sebanyak 145 buah Tokong di seluruh Sabah. Semoga dengan bantuan kewangan yang diagihkan atas keprihatinan kerajaan negeri ini, dapat sedikit sebanyak meringankan beban dalam membangun dan membaiki sekolah serta rumah ibadat yang terbabit. Ini sekali gus akan memberi keselesaan dan manfaat kepada rakyat bukan Islam di peringkat akar umbi.
8. Kerajaan GRS sentiasa menekankan dasar keadilan dan kesaksamaan dalam semua aspek serta sentiasa membantu rakyatnya tanpa mengira bangsa dan agama.
9. Sementara itu, bagi bantuan kepala singa pula, saya dimaklumkan Jawatankuasa Bantuan Kepala Singa telah menerima lebih 200 permohonan daripada pelbagai kelab, persatuan singa dan naga, sekolah, tokong dan Dewan Perniagaan Tionghua di seluruh Sabah.
10. Justeru, kerajaan negeri memperuntukan sebanyak RM1 juta untuk sumbangan bantuan kepala singa di seluruh Sabah dan berharap bantuan ini dapat menggantikan atau "*replacement*" kepala singa yang usang.
11. Saya percaya dengan sumbangan tahunan ini, sekolah dan badan keagamaan bukan Islam akan dapat memenuhi sebahagian daripada keperluan kewangan untuk menampung kos operasi harian, menjalankan program berkaitan serta penambahbaikan institusi dan badan keagamaan masing-masing. Semoga sumbangan dan bantuan kewangan oleh kerajaan GRS ini akan memberi manfaat dan memupuk semangat kesaudaraan dalam kalangan masyarakat Tionghua di negeri ini.

Sekian, terima kasih